

**Titah Ucapan
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Sempena Hari Keputeraan Ke-70
D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

Ahad, 14 Januari 2018

10.15 pagi

Istana Besar Seri Menanti

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Segala puji-pujian dirafakkan kehadiran Allah S.W.T, Tuhan pemilik sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda sekalian. Beta dan Tunku Ampuan Besar bersyukur kerana dikurniakan kesempatan untuk dapat bersama berangkat ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena ulang tahun hari keputeraan Beta yang ke-70.

2. Beta dan Tunku Ampuan Besar mengucapkan selamat menyambut tahun baharu 2018 kepada semua. Semoga tahun baharu ini akan membawa lebih kejayaan kepada kita semua.

3. Beta dengan sukacita ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Memanda Beta di atas persembahan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kepada Beta bagi pihak Kerajaan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan seluruh rakyat. Sesungguhnya, Beta menyanjung tinggi dan menghargai setiap titipan doa, ingatan dan kasih sayang rakyat kepada Beta berdua serta ahli keluarga.

4. Intipati kepada kemakmuran dan kestabilan adalah kedamaian dan keharmonian. Sesebuah negara tidak mungkin berkembang dan mengecapi pembangunan sekiranya berada dalam keadaan kucar-kacir dan tidak menentu. Alhamdulillah, sepanjang Beta bersemayam, kedamaian dan keharmonian di Negeri Sembilan dapat dirasai manakala setiap rakyatnya berada dalam keadaan sejahtera dan menjalani kehidupan dengan aman damai dalam kepelbagaian resam dan budaya.

Pembangunan Inklusif Nadi Negeri Sembilan

5. Kedamaian dan keharmonian yang dikecapi telah membolehkan Kerajaan Beta menjalankan usaha membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat. Beta menzahirkan rasa bangga sungguhpun ekonomi global berada dalam keadaan ketidaktentuan, ekonomi negeri berkembang dan berada di landasan yang tepat. KDNK Benar Negeri Sembilan dan KDNK Per Kapita mencatatkan peningkatan yang membanggakan saban tahun.

6. Pembangunan negeri hendaklah sifatnya inklusif; iaitu merangkumi pembangunan di semua daerah dalam Negeri Sembilan. Beta telah disembah maklum oleh Memanda Beta bahawa pelan pembangunan Negeri Sembilan kini telah lengkap. Kerajaan Beta sedang memacu pembangunan 30 tahun ke hadapan menjadi sebuah Negeri Moden melalui Rancangan Jangka Panjang Negeri Sembilan Moden 2015–2045 dan pembangunan Malaysia Vision Valley.

7. Selain itu, Kerajaan Beta juga sedang melaksanakan Pelan Hala Tuju Luar Bandar 2016–2045 bagi mewujudkan kawasan luar bandar sebagai lokaliti yang mampan, makmur, sejahtera dan berdaya laksana berteraskan sumber serta landskap semula jadi sedia ada. Kawasan-kawasan luar bandar akan diurus-perdanakan melalui dua prinsip utama iaitu kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial bagi mencapai visi Luar Bandar 2045 iaitu Desa Amaya Mampan, Makmur Dan Sejahtera.

8. Pembangunan yang dipacu ini perlulah dapat dirasai kesannya kepada masyarakat bandar dan luar bandar. Salah satu kesan ketara yang akan dirasai adalah penawaran peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan. Melalui pelaksanaan pelan-pelan pembangunan tersebut, Beta yakin taraf ekonomi akan dapat ditingkatkan selain dapat mengelakkan penghijrahan penduduk luar bandar ke kawasan bandar.

9. Kerajaan Beta di bawah prinsip mensejahterakan rakyat telah memberikan fokus bagi memastikan tiga elemen asas kehidupan masyarakat sentiasa diutamakan iaitu keperluan pendidikan, tempat tinggal, dan bantuan kepada yang kurang berkemampuan melalui Dasar Lembah Ilmu, Dasar Perumahan Negeri Sembilan dan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Beta disembang maklum bahawa anak-anak Negeri Sembilan mencatat keputusan cemerlang dalam pelbagai peringkat peperiksaan; masyarakat di Negeri Sembilan berpeluang untuk memiliki rumah mampu milik; dan mereka yang kurang berkemampuan telah dibantu dan dijaringkan melalui pelbagai bantuan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan.

10. Beta berharap supaya dasar-dasar yang mensejahterakan rakyat ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan serta diwujudkan dasar-dasar baru demi kemaslahatan masyarakat secara keseluruhan.

11. Beta menyadari hakikat bahawa rakyat Beta terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Untuk memastikan kedamaian dan keharmonian yang ada dikekalkan, Beta menyeru setiap rakyat menghormati amalan agama dan budaya yang dianuti oleh setiap kaum. Golongan muda yang ada pada hari ini perlu dididikkan dengan pengetahuan moral yang baik agar mereka sentiasa dipupuk untuk hormat-menghormati dan hidup bersatu padu.

12. Di samping itu, pentadbiran yang baik juga perlu ada untuk memastikan kedamaian dan keharmonian. Beta percaya bahawa prinsip amalan tadbir urus yang baik, berintegriti, amanah, jujur dan ikhlas ada pada ajaran setiap agama serta adat budaya semua kaum. Nilai-nilai ini menjadi asas kepada Rukun Negara yang sepatutnya menjadi pegangan setiap rakyat sama ada yang dipimpin atau yang memimpin.

13. Beta pernah bertitah dahulu bahawa pemegang tampuk kuasa harus berpegang teguh kepada Rukun Negara terutamanya prinsip Keluhuran Perlembagaan serta Kedaulatan Undang-Undang. Ia hendaklah diterjemah dengan tindakan yang jujur dan ikhlas dalam mempertahankan, melindungi dan memastikan kebebasan institusi perundangan, kehakiman dan penguatkuasaan. Tindakan ini perlu supaya institusi-institusi yang diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan bebas daripada sebarang campur tangan yang pasti memudaratkan.

Ucapan Tahniah Kepada Penerima Pingat

14. Pada kesempatan ini, Beta mengucapkan tahniah kepada semua penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Beta yang ke-70 pada hari ini.

15. Anugerah ini merupakan penghargaan di atas khidmat dan sumbangan bakti yang telah diberikan kepada Beta, Kerajaan Beta dan Negeri Sembilan khususnya serta

Malaysia amnya. Beta berharap supaya khidmat dan sumbangan bakti ini diteruskan dan menjadi contoh serta inspirasi kepada orang lain. Penganugerahan ini juga adalah sesuatu yang istimewa kepada setiap penerimanya kerana ia akan menyebabkan seseorang penerima itu menjadi perhatian masyarakat. Oleh itu, jagalah tata susila dan tingkah laku agar anugerah ini benar-benar dapat mencerminkan keperibadian kamu semua.

Ucapan Terima Kasih

16. Akhir titah, Beta untuk menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua petugas, pasukan tentera, pasukan polis, Dato'-Dato' Penyandang Pusaka Adat serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan Istiadat ini berjalan lancar.

17. Beta dan Tunku Ampuan Besar pada setiap ketika berdoa mudah-mudahan semua rakyat jelata dilimpahi Rahmat dan Hidayah Allah S.W.T agar hidup harmoni dan aman damai.

Sekian. *Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*